

BERITA HARIAN

DATE: 30/08/2007

Putera Andrew puji Malaysia

BH - 30/08/2007

Pembangunan pesat dicapai sejak Merdeka dikagumi putera kedua Ratu Elizabeth

Oleh Norfatimah Ahmad


KUALA LUMPUR: Duke of York, Putera Andrew memuji Malaysia kerana berjaya membawa perubahan pesat dan membangunkan negara terutama dalam bidang ekonomi dan pendidikan sejak mencapai kemerdekaan 50 tahun lalu.

Putera kedua Ratu Elizabeth itu, berkata berdasarkan pencapaian memberangsangkan itu, beliau yakin ia mampu mengukuhkan hubungan dua hala yang terjalin antara Malaysia dengan kerajaan Britain.

Beliau berkata, selain ekonomi dan pendidikan, wujud kerjasama dalam pertahanan, keselamatan dan alam sekitar, selain kewangan Islam yang dianggap bidang baru yang wajar diterokai bersama.

"Sememangnya Malaysia melalui proses pembangunan ekonomi dinamik dalam pembentukan sebuah negara maju dan hingga kini antara kita wujud kerjasama rapat menerusi pelbagai bidang yang saya percaya mampu bertahan lebih lama kerana selepas 50 tahun. Kini kita perlu membuka fasa baru bekerjasama ke arah matlamat sama.

"Lawatan ini adalah yang ketiga bagi saya dan pada setiap kunjungan dapat dilihat perubahan besar negara ini dan saya percaya untuk tempoh 50 tahun lagi atau jangka masa lebih lama, ada banyak perubahan dan cabaran yang perlu dan akan dihadapi bersama," katanya pada majlis Rakan Dalam Kepimpinan anjuran Suruhanjaya Tinggi British



TETAMU DIRAJA: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak semalam menghadiri majlis makan malam bersama Putera Andrew sempena lawatan tiga harinya ke negara ini di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia, Datuk Tony Fernandez.

sempena ulang tahun ke-50 hubungan Malaysia dan United Kingdom (UK) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini semalam.

Turut hadir Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia, Boyd McCleary dan lebih 500 lulusan institusi pe-

ngajian tinggi negara berkenaan.

Putera Andrew yang melawat Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) pagi semalam menyatakan kekaguman dengan projek mega itu dan berharap Malaysia mencapai sasaran untuk projek pembangunan itu.

Mengenai kerjasama dalam bidang pendidikan, beliau berkata, kepentingan bidang itu untuk menghadapi sebarang cabaran masa depan mendorong Suruhanjaya Tinggi British memutuskan untuk menambah bilangan penerima Biasiswa Cheve-

ning kepada pelajar Malaysia.

Sementara itu, McCleary berkata, tambahan penerima skim Biasiswa Chevening daripada 25 kepada 40 pelajar Malaysia yang melanjutkan pengajian pada peringkat Sarjana itu ditawarkan untuk sesi akademik 2008/2009.